

07/01/1998

1998 tahun menongkah ombak ke gelombang

Khairul Anuar Samad

TAHUN ini bakal menjadi batu loncatan bagi Malaysia melangkah ke alaf baru. Malah tahun 1998 juga akan membuktikan segala perancangan yang diawakan tahun lalu mula bersinar dalam melaksanakan semua agenda teknologi maklumat (IT) yang dicanai sebelum ini.

Harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITA) tahun lalu untuk menggerakkan riak kecil menjadi gelombang besar dalam pergerakan IT negara, harus menampakkan hasilnya.

Apa yang pasti, beberapa acara utama negara yang kesemuanya membabitkan perbincangan dan penggunaan IT mampu mengorak langkah menjayakan harapan negara dalam IT dan seterusnya Koridor Raya Multimedia (MSC).

Februari depan, 30 anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC yang dilantik Kerajaan dijangka akan mengadakan persidangannya di Kuala Lumpur.

Pertemuan anggota IAP itu yang merangkumi tokoh utama dalam industri IT dunia, antaranya Pengasas dan Pengerusi Microsoft Corp., Bill Gates; Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Oracle Corp, Larry Ellison dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Microsystems, Scott McNealy, dijangka mewujudkan satu input positif terhadap arah tuju MSC.

Negara memerlukan gabungan pendapat dan pandangan serta kerjasama tokoh berkenaan dalam menjayakan MSC memandangkan projek mega negara itu kini menjadi ikutan negara jiran rantau ini.

Di samping itu, 1998 bakal menghasilkan pergerakan dalam Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFP) yang mana pemilihan akhir konsortium yang mengemukakan permohonan itu akan diumumkan Februari ini.

Sebanyak 15 permohonan bagi empat daripada tujuh aplikasi utama MSC akan diumumkan dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) menganggarkan RM1.6 juta diperlukan bagi melaksanakan 15 CRFP bagi projek perintis empat aplikasi perdana itu.

Empat aplikasi itu dikategorikan mengikut Pembangunan Multimedia manakala tiga aplikasil lain seperti Pemasaran Tanpa Sempadan, Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan dan Rangkaian Pengilangan Sedunia dikategorikan mengikut Persekitaran Multimedia.

MDC menerima berpuluh permohonan daripada pelbagai konsortium dan menurut Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, aplikasi Kerajaan Elektronik bakal dinikmati rakyat negara ini.

"Konsortium berkenaan akan disenarai pendek dan diluluskan untuk melaksanakan aplikasi berkenaan.

"Kerajaan jangka pelaksanaan aplikasi itu bakal dilaksanakan enam bulan kemudian dengan kios Kerajaan Elektronik ditempatkan di lokasi strategik bagi kegunaan ramai," katanya.

Daripada 15 projek itu, lima adalah projek berkaitan Kerajaan Elektronik; lima projek Sekolah Bestari; empat Teleperubatan dan satu projek Kad Pintar Pelbagai Guna.

Kewujudan CRFP diharap mampu merangsang dan menyemarakkan perkongsian pintar antara kepakaran tempatan dan luar negara bagi menghasilkan produk yang mempunyai inovasi tinggi selain mewujudkan industri multimedia tempatan.

MDC turut meningkatkan kegiatannya pada 1998, terutama di Cyberjaya yang mana agensi itu menjadi pentadbir kawasan seluas 7,000 hektar itu menjangkakan 12 syarikat akan mula beroperasi di kawasan itu.

Menurut Dr Othman, MDC adalah syarikat pertama memasuki kawasan itu dan

berjaya menyediakannya setahun lebih awal, iaitu tahun lalu berbanding tahun jangkannya, awal tahun ini.

Cyberjaya pula bakal menempatkan 240,000 penduduk, termasuk 10,000 pekerja profesional dalam pelbagai cabang IT dengan kadar kepadatan 35 penduduk bagi setiap hektar.

Kawasan itu dilengkapi pelbagai kemudahan canggih termasuk sistem rangkaian telekomunikasi dengan keupayaan penghantaran data antara 2.5 Gbps hingga 10 Gbps, perisian IT serta perkhidmatan multimedia.

Walaupun Pengarah Eksekutif Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom), Alan Fung, meramalkan pertumbuhan hanya 15 peratus bagi keseluruhan sektor IT berbanding jangkaan awal 21 peratus berdasarkan keadaan ekonomi semasa, 1998 tetap menjanjikan limpahan kemewahan dalam pembangunan IT negara.

Malah, menurut Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, keadaan ekonomi sekarang mampu membuka peluang dan potensi perniagaan baru kepada syarikat IT tempatan menghasilkan produk berjenama dalam pasaran antarabangsa, menghasilkan teknologi asli dan membentuk syarikat berorientasikan eksport.

Sokongan itu diperkukuhkan lagi dengan wujudnya skim geran penyelidikan dan pembangunan MSC (MGS) dengan peruntukan RM100 juta bagi menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan bergiat secara aktif dalam R&D untuk penghasilan produk bermutu tinggi.

Melalui skim itu, Pusat Teknologi MSC (PTMSC), anak syarikat MDC yang akan bertindak membantu syarikat IKS mengenal pasti teknologi bermutu tinggi serta mengawal selia pemindahan teknologi antara syarikat IT antarabangsa dan tempatan, terutama syarikat dalam kategori IKS, dijangka mampu memanfaatkannya.

Sidang Economist Conference (EC) bertajuk Masyarakat Elektronik di Asia yang akan diadakan pada 12 dan 13 Februari depan di Kuala Lumpur, juga mampu menyemarakkan pergerakan IT negara tahun ini.

EC bakal membincangkan perkembangan pesat industri IT di Asia dengan memanfaatkan Malaysia yang berusaha menjadi hub IT rantau itu dan Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan di persidangan meja bulat itu.

Dalam kemeriahan menjayakan MSC, negara akan menganjurkan sukan paling berprestij dan terbesar akhir abad ini pada September depan. Sukan Komanwel ke-16 itu bakal menggunakan sistem dan aplikasi IT terkini, mengatasi keupayaan teknologi Sukan Olimpik Atlanta 1996.

Microsoft terbukti secara aktif terbabit dalam pengendalian perisian aplikasi sukan bagi beberapa cara utama, dengan yang terakhir Euro Cup 1996.

Syarikat perisian utama dunia itu akan menaja lebih 45,000 lesen bagi produk Microsoft bernilai lebih RM10 juta kepada Sukom yang mana ia akan dipasang di lebih 100 cawangan Sukom dan dua pusat pembangunan di luar negara, iaitu di Barcelona dan Madrid.

Bagi sukan itu, Microsoft turut menaja pelbagai produk utamanya seperti pelayan, stesen kerja dan sistem operasi rangkaian, peralatan pengurusan dan perisian aplikasi desktop merangkumi Windows NT Server, Exchange Server, Office 97, Back Office dan peralatan pembangunannya.

Prasarana IT Sukan Komanwel kini hampir lengkap dengan pembangunan dalam perkakasan (Siemens Nixdorf), perisian (SEMA/MSL), peralatan masa, perfileman (Kodak) dan sistem rangkaian kabel tempatan yang akan menyambung semua rangkaian sukan itu.

Sistem Operasi Generic sukan akan menggunakan ciri tahan lasak Windows 95 yang bersesuaian dengan sistem pengurusan data keputusan serta pengurusan sukan.

Selain itu, Extol Corp dilantik sebagai pembekal rasmi penyelesaian anti virus dengan peruntukan lebih RM1.5 juta yang mana Armour dan FireBreak akan dipasang di 60 pelayan dan 2000 stesen kerja, termasuk laptop.

Dalam kemeriahan membangunkan IT negara tahun ini, Malaysia harus sedar bahawa ia masih lagi tiada keupayaan dalam teknologi asas seperti sistem operasi (OS) dan enjin pencari (search engine) yang penting dalam bidang kejuruteraan perisian.

Oleh itu, menurut penganalisis Jepun, Izumi Aizu, Malaysia perlu kurangkan kerenah perancangan, jangan terlalu banyak peraturan membebankan, lebihkan tindakan dan pelaksanaan dan cuba atasi kelemahan serta isu ketara yang pasti melemahkan pelaksanaan MSC.

(END)